

UMNO

Kelantan tiada kaitan penahanan 'Datuk'

KOTA BHARU 30 Julai - Penahanan seorang lelaki bergelar Datuk bagi membantu siasatan berhubung kejadian semburan pemedih mata ke arah bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad, Jumaat lalu, tiada kaitan dengan UMNO Kelantan.

Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Negeri, Datuk Annuar Musa berkata, walaupun Datuk itu memegang jawatan Ahli Jawatankuasa UMNO Bahagian, tetapi penglibatannya dalam majlis sambutan itu bersifat peribadi dan bukan mewakili parti.

Beliau bagaimanapun enggan mengulas lanjut mengenai penahanan Datuk itu bersama 27 lagi lelaki yang disyaki untuk membantu siasatan.

"Polis baru ambil kenyataan. Ramai (suspek) orang ditahan. Saya dimaklumkan ada anggota tentera terlibat dan mereka kini disoal siasat. Tunggulah polis buat siasatan, siapa sebenarnya yang buat. Kita tak tahu lagi daripada 27 orang (suspek) itu.

"Yang pastinya UMNO Kelantan tidak terlibat. Dari sumber yang saya dapat, ia berlaku kerana perebutan antara dua kumpulan yang ada pengawal peribadi masing-masing," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas tindakan terhadap individu yang bertanggungjawab ke atas kejadian menimpa Dr. Mahathir setibanya di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, untuk lawatan sehari ke Kelantan, Jumaat lalu.

Kejadian itu dipercayai berlaku berikutan perebutan dua kumpulan penyokong Dr. Mahathir untuk membawanya menaiki kenderaan mereka.

Berikutan itu, polis menahan seorang lelaki bergelar Datuk yang juga ahli UMNO di rumahnya di Pasir Tumboh dekat sini, untuk disoal siasat.

Annuar berkata, Datuk berkenaan ada menghantar surat kepadanya memaklumkan bahawa beliau adalah Pengerusi Jawatankuasa Sambutan majlis berkenaan dan Dr. Mahathir dijadualkan menaiki keretanya.